

13/05/2000

Badruddin cadang MT lantik wakil Wanita

WAKIL Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin meminta pucuk pimpinan Umno melantik beberapa calon Wanita yang berkebolehan bagi menduduki kerusi Majlis Tertinggi (MT) bagi mengiktiraf sumbangan wanita kepada parti selama ini.

"Saya hairan juga kenapa dalam banyak-banyak calon Wanita yang berkaliber itu, satu pun tak dapat kerusi MT. Jadi, saya nak minta, lantik sorang dua wanita.

"Mereka dah banyak berjasa kepada parti. Tanpa wanita, susah juga kita kerana mereka inilah yang naik tangga, turun tangga meraih undi ketika pilihan raya," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semalam, keputusan kerusi MT menyaksikan tiada seorang pun daripada lima calon Pergerakan Wanita terpilih.

Badruddin yang tidak lekang dengan lawak jenaknya setiap kali berbahas, turut menegaskan bahawa Umno perlu bersikap sebagai `sebuah keluarga' dengan memberi kepercayaan kepada wanita untuk menduduki mana-mana kerusi penting dalam parti.

Beliau juga meminta ahli Umno memberi sokongan kepada pemimpin pelapis dalam menuju kepada perubahan parti yang lebih dinamik.

Selain itu, Badruddin turut menyoal kesetiaan 2.8 juta ahli Umno yang dirasakan kurang bersatu terutama dalam memperjuangkan semangat parti.

"Kita ni ramai ahli tapi kenapa kita, Melayu, tak boleh nak bersatu? Jangan sampai kita ditempleng bangsa lain, sudahlah," katanya.

Badruddin berkata, ahli Umno juga tidak harus berdendam antara satu sama lain kerana ia akan hanya membawa kepada keruntuhan parti.

Beliau memberi contoh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dikatakan `menikam' Perdana Menteri dari belakang untuk mencapai kepentingan politiknya sendiri.

"Ada satu gambar (Datuk Seri) Anwar Ibrahim berdiri sebelah Dr Mahathir sambil memegang keris. Hah ... apa lagi, lepas tu dia pun tikam dari belakang la ...," katanya sambil disambut gelak ketawa perwakilan.

Badruddin juga meminta ahli korporat dalam Umno supaya mendidik kakitangan mereka untuk mendalami perjuangan parti.

"Kita, orang politik tak boleh la nak pi bersyarah kat depa (pekerja sektor swasta) sebab nanti depa kata kita ni orang politik tapi kalau CEO (Ketua Pegawai Eksekutif) depa sendiri yang memperbetulkan pandangan pekerja terhadap imej parti, barulah betul," katanya.

Ini kerana, beliau berkata, Umno semakin kehilangan ahli yang bukan sahaja terdiri dari kakitangan kerajaan dan pekerja sektor swasta, malah Umno kini semakin kehilangan ahli korporat.

(END)